

PROFESOR Datuk Dr Taufiq (kiri) bertanya sesuatu kepada Haji Jamal.



HAJI Jamal memberikan taklimat kepada Prof Dr Taufiq.



HAJI Jamal (kiri) menyampaikan cendera-mengangan kepada Prof Taufiq.

# UMS sedia adakan MoU dengan MBRKK

NST 23/1/20 8

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersedia mengikat perjanjian persefahaman (MoU) dengan Masjid Bandaraya Kota Kinabalu (MBRKK) dalam tempoh terdekat ini untuk memantapkan kerjasama dalam pelbagai bidang yang bersangkut paut kepentingan masyarakat.


Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, antara bidang yang dikenal pasti akan berperanan turut memerhebat lagi Pusat Pendidikan khas Akademi QurAnis Al-Mubarak dan Akademi Intervensi Al-Mubarak untuk anak-anak istimewa (Autism, Pekak, Buta, Down syndrome, Dyslexia, serta

olongan kelainan upaya (OKU).

Ini katanya termasuk program Care of Terminally ill (COTI) yang sangat berkesan membantu pesakit kronik di bawah program Masjid Bandaraya itu.

Beliau juga melahirkan rasa kagum dengan kerja berpasukan pihak MBRKK yang terbukti dapat mengukuhkan kesepakatan untuk mengeluarkan hasil kerja yang sangat memberangsangkan.

Dr Taufiq menyatakan hal ini di MBRKK selepas mendengar taklimat yang diberikan Pengerusi MBRKK, Datuk Haji Jamal Tun Haji Sakaran.



PROF DR Taufiq melawat dan meninjau pusat akademik MBRKK.